

Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Baqarah, Ertinya:

“ Dan dari mana sahaja Engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (Kaabah)...”

*Diterbitkan oleh :*

**Bahagian Falak**


**Jabatan Mufti Johor**

*Disahkan oleh :*

**Sohibus Samahah**

**Y.B Dato' Hj M.Tahrir Bin Dato' Hj Samsudin  
Mufti Negeri Johor**

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN PENANDAAN ARAH QIBLAT



*Permohonan boleh dibuat kepada :*

**Bahagian Falak**

**Jabatan Mufti Johor**

Aras 3, Blok A, Pusat Islam Iskandar


Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 Johor

Tel : 07-2263926 / 27 / 28



## Menyemak Arah Qiblat

Bedasarkan Fenomena  
Istiwa' Al-Ka'bah



**Pada :**

**28 Mei : Jam 5.16 petang**

**16 Julai : Jam 5.28 petang**

**(SETIAP TAHUN)**

## MAKLUMAT ISTIWA AL-KA'BAH

Detik Istiwa al-Ka'bah berlaku sebanyak dua kali dalam setahun iaitu pada :

- I. 28 Mei
- II. 16 Julai

Ini berdasarkan Firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Rahman ayat 17 :

رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ ﴿١٧﴾

Maksudnya : (Dia lah) Tuhan Yang mentadbirkan dua timur, dan Tuhan Yang mentadbirkan dua barat.

Detik pertama berlaku pada tanggal 28 Mei jam 5.16 petang (waktu Malaysia). Ketika itu matahari berada tegak di atas Ka'bah pada kedudukan *zawal* (زَوَالٍ) iaitu matahari berada tegak di tengah-tengah langit pada jam 12.16 minit tengahari waktu Makkah.

Detik yang kedua pula berlaku pada tanggal 16 Julai, jam 5.28 petang (waktu Malaysia). Ketika itu matahari berada tegak di atas Ka'bah pada kedudukan *zawal* (زَوَالٍ) iaitu matahari berada tegak di tengah-tengah langit pada jam 12.28 minit tengahari waktu Makkah.

Fenomena ini berlaku ketika matahari bergerak condong ke utara dan ketika matahari bergerak condong ke selatan.

## DETIK- DETIK ISTIWA' AL-KA'BAH

1. Pada 28 Mei, jam 5.16 petang dan 16 Julai, 5.28 petang setiap tahun, di dapati bayang yang terhasil dari sesuatu perdirian (القَائِمَةُ) mengarah tepat ke arah Ka'bah iaitu bayang tersebut adalah arah qiblat. Hal ini berlaku kerana pada waktu tersebut matahari tepat berada di atas Ka'bah (بَيْتُ اللَّهِ الْعَبِيدِ).
2. Pada tanggal 28 Mei jam 5.16 petang dan 16 Julai jam 5.28 petang setiap tahun, kecondongan matahari ialah 21 darjah 26 minit utara (شَمَالِيَّة). Nilai ini adalah sama dengan nilai garis lintang (عَرْضُ الْبَلَدِ) bagi Makkah al-Mukarramah di mana laluan terbit dan terbenam matahari (دَائِرَةُ الْكُسُوفِيَّةِ) 90 darjah iaitu matahari tegak di atas Ka'bah di tengah-tengah langit (الْإِسْتِوَاءِ) ketika tengahari (الزَّوَالِ). Oleh itu, mana-mana jua di seluruh dunia pada ketika itu, bayang - bayang yang terhasil dari

sesuatu perdirian (القَائِمَةُ) mengarah tepat ke Ka'bah dan bayang yang terhasil tersebut adalah arah qiblat.

3. Pada tanggal 28 Mei Jam 5.16 petang setiap tahun, matahari berada 16 darjah di buruj Taurus (تَوْرٍ) iaitu buruj yang berbentuk lembu. Pada ketika itu, darjah peredaran matahari dari titik awal buruj Aries (حَمَلٍ) adalah 46 darjah. Ketika itu juga matahari condong ke arah utara (شَمَالِيَّة) menuju ke selatan (جَنُوبِيَّة) dan negara-negara yang berada di utara garisan khatulistiwa mengalami musim panas (المُؤَافِقَةُ).
4. Pada tanggal 16 Julai Jam 5.28 petang setiap tahun, matahari berada 26 darjah di buruj Gemini (جَمُوزَاء) iaitu buruj yang berbentuk dua beradik kembar. Darjah peredaran matahari dari titik awal buruj Aries (حَمَلٍ) ialah 86 darjah. Ketika itu matahari condong ke arah utara (شَمَالِيَّة) menuju ke selatan (جَنُوبِيَّة) dan negara-negara yang berada di utara garisan khatulistiwa mengalami akhir musim panas.